

antara Zuhur dan Asar dan antara Maghrib dan Isyak maka ada orang bertanya dari hal itu kepada Rasulullah sabdanya: “Aku berbuat begitu supaya tidak jadi sampai atas umatku”. (Hadis riwayat al-Tabrānī)

Daripada tiga keterangan yang tersebut di atas ini zahir bahawa Rasulullah (SAW) ada pernah sembahyang jama‘ antara Zuhur dengan Asar dan di antara Maghrib dengan Isyak di dalam negeri, tidak hanya di dalam pelayaran atau peperangan tetapi yang demikian adalah bermakna bahawa tidak dikerjakan selalu. Oleh itu kita boleh berbuat juga demikian tetapi tidak selalu. Yang lebih baik jika tidak keadaan sangat-sangat memaksa, jangan kita buat begitu kalau tidak kerana sesuatu uzur yang bersngatan kerana Rasulullah (SAW) dikatakan bersabda (maksudnya): Barangsiapa menjamakkan di antara dua sembahyang dengan tidak ada halangan apa-apa maka sesungguhnya ia telah datang ke satu pintu daripada beberapa pintu dosa besar. (Hadis riwayat al-Tirmidhī)

Hadis ini riwayatnya lemah dan digunakan di sini hanya sebagai pembatas hadis yang meluaskan sembahyang jama‘ itu sahaja.

* * *

Menjual Makanan Bulan Puasa

Muhammad Yūnus Muhammad Shāh, Nyalas, Temangan, Kelantan bertanya:

Apakah hukumnya seorang Muslim (orang Islam) menjual makanan seumpama nasi dan lain-lainnya kepada lain bangsa yang bukan Islam pada siang hari pada bulan puasa?

Jawab: Menjual makanan yang sedemikian kepada orang kafir pada masa itu tidak ditegah apa-apa. Di dalam masa bulan puasa itu ada orang-orang yang diwajibkan puasa dan ada pula yang lainnya yang tidak diwajibkan puasa seperti:

Kanak-kanak, perempuan haid atau nifas (wajib qadā’), orang sakit (wajib qadā’), orang di dalam pelayaran

(wajib qadā’) perempuan hamil atau menyusui anak (wajib fidyah-tidak wajib qadā’) dan orang yang telah tua tak kuat puasa atau orang yang bekerja berat yang tak puasa (wajib bayar fidyah).

Dengan sebab itu tidaklah ada larangan bagi menjual makanan kepada mereka tetapi berhubung dengan syiar Islam masa ini tidak sebegitu bergemilang maka adalah sangat-sangat molek bagi orang-orang Islam jangan menjual makanan pada siang hari di dalam bulan puasa itu dan jika jualannya itu dimakan oleh orang-orang Islam yang tidak uzur maka adalah ia jatuh bersyubhah kepada orang-orang yang menjalankan maksiat.

* * *

Hāji Aḥmad Bin Hāji Sālim, Kampung Birang, Tanjung Malim bertanya: Adakah dapat kemaafan dosa seseorang kepada seorang yang telah mati iaitu pada mayatnya semasa mayat itu di rumah ataupun setelah dikuburkan-adakah ia terlepas dari dosanya?

Jawab: Kesalahan atau hutang piutang di antara seorang dengan seorang itu yakni yang mengenai diri dengan seseorang itu adalah hak masing-masing.

Umpamanya Zaid telah membuat aniaya kepada diri Haris dan tidak lama antaranya Zaid meninggal kemudian kerana keinsafannya sebagai manusia menyebut bahawa ia mengampunkan kesalahan yang telah dilakukan Haris kepadanya bagi dunia dan akhiratnya maka dengan demikian tanggungan Zaid kepadanya kelak akan terlepas tetapi jika dosa yang dilakukan oleh Haris mengenai hal-hal Tuhannya maka Tuhan jua yang akan mengampunkannya-bukan manusia. Sedang berkenaan dengan hutang adalah wajib bagi warisnya membayar hutang-hutang kepada yang berkenaan jika ada hartanya dan jika dimaafkan tidaklah menjadi tanggungan waris lagi dalam hal ini boleh berbuat bukannya yang mati tetapi yang tinggal, yakni yang telah mati jika sebelum matinya tidak memaafkan sesuatu kepada yang hidup maka yang demikian adalah menjadi tanggungan orang yang berdosa kepadanya.